

BAB KELIMA

BAB V

PENUTUP

4.8 KESIMPULAN

Nilai – nilai tradisi adalah warisan silam yang menjadi kebanggaan setiap bangsa yang memilikinya. Setiap satu daripada warisan nilai ini mempunyai sifat yang sarat nilai dan mempunyai keunikannya yang tersendiri. “Hanya jauhari mengenal manikam” begitulah ungkapan yang terdapat di dalam peradaban Melayu yang membawa maksud “hanya orang yang benar-benar berilmu, faham dan mahir sahaja mampu untuk menyerap unsur-unsur kebaikan yang terkandung di dalamnya” sekaligus meletakkannya di tempat yang tinggi.

Kejayaan cemerlang sesebuah negara dalam bidang politik, ekonomi, dan sosial jarang boleh dikaitkan dengan satu sebab sahaja. Kejayaan itu berpunca daripada

pelbagai pengaruh yang selalunya muncul sejak dahulu lagi. Ini dapat dilihat melalui pengalaman masa lampau dimana Jepun mengakui pentingnya sejarah kepada segala gejala semasa, sama ada mengenai kecekapan ekonomi negara atau keunggulan institusi pemerintahan. Implikasi kejayaan Jepun juga dapat dilihat melalui perhubungan awal Jepun dengan Barat yang melahirkan kesan politik, ekonomi dan sosial. Malah, kesan ini melahirkan pelbagai pendapat tentang kejayaan Jepun dan Jepun dianggap sebagai negara nombor satu.

Jepun jika dilihat dari signifikansi, globalisasi dan kepimpinan merupakan sebuah negara yang unggul dan keunggulan ini biasanya dikaitkan dengan tarikh permulaan zaman moden Jepun kepada Meiji Ishin iaitu pengembalian semula kedudukan maharaja sebagai ketua negara pada tahun 1869. Dalam masa yang singkat, Jepun muncul sebagai sebuah negara yang moden dan kuat setanding dengan negara-negara barat. Hal ini dapat dikaitkan dengan pemodenan yang dijalankan di Jepun pada zaman pemerintahan Meiji. Dimana kerajaan baru ini telah menghapuskan institusi feodal dan mengatur langkah bersungguh-sungguh ke arah pemodenan. Dasar ini diikuti dengan pengenalan sistem undang-undang, pentadbiran politik, pendidikan dan komunikasi, perindustrian dan perdagangan berdasarkan model barat.

Apa yang jelas, Jepun telah menjalankan perubahan dari segi politik dimana mereka sedar tentang perlunya mengekalkan dan memperteguhkan perpaduan negara. Malah, ekonomi negara Jepun juga meningkat dan organisasi sosial masyarakat Jepun sangat sesuai bagi tugas pembinaan negara. Kini Jepun kembali ke pentas dunia selepas

kalah perang dunia dengan azam untuk memimpin dunia dari segi ekonomi dan teknologi tetapi mengekalkan tradisi dan budaya. Kejayaan Jepun menguasai tamadun barat dan sekali lagi dapat pulih dari kesan perang telah memanjatkan banyak pihak. Apatah lagi kemampuan Jepun menguasai ekonomi dunia, pengurusan luar biasa dan pengekalan pertumbuhan melebihi sepuluh peratus GNP begitu mengagumkan.

Dari segi ketamadunan dapatlah dikatakan tamadun Jepun merupakan suatu tamadun yang paling unik sekali diantara banyak tamadun yang lain. Ini disebabkan Jepun merupakan negara kepulauan (Island Nation). Justeru itu, mengalami banyak gangguan tamadun dari luar dalam tempoh yang sangat panjang. Dengan itu, bolehlah dianggap pemikiran masyarakat Jepun bertunjang kepada pemikiran pulau (Island Mentaliti) dan tidak sesuai dengan tamadun lain. Malah, tamadun Jepun merupakan satu-satunya tamadun yang merujuk kepada bangsa Jepun itu sendiri.

Perkembangan kebudayaan Jepun moden dewasa ini adalah lanjutan kebudayaan zaman lampau. Walaupun zaman awalnya ciri- ciri kehidupan awal masyarakat Jepun banyak di pengaruhi oleh kebudayaan China. Namun mereka turut memiliki kebudayaan sendiri seperti kebudayaan Jomon yang telah wujud kira- kira 13,000 tahun lalu.

Daripada sebuah negara yang begitu jauh mundur ke belakang jika dibandingkan dengan negara-negara lain yang pada ketika itu sudah mula mencapai kejayaan dan kemajuan dalam pelbagai bidang seperti China dan Korea, sebuah negara yang menjalankan dasar tutup pintu serts pemikiran pulau (island thinking) akhirnya telah menerajui dunia dengan pelbagai kejayaan yang menakjubkan.

Jepun merupakan sebuah negara di rantau asia yang telah mencapai satu perkembangan yang amat membanggakan baik dari segi politik, ekonomi mahupun sosial. Dewasa ini hampir semua negara di dunia begitu mengagumi cara pemerintahan yang diamalkan sehingga mampu meletakkan Jepun setanding malah adalaknya melebihi negara barat dalam sesetengah pencapaian teknologinya. Zaman Meiji misalnya telah membawa sumbangan besar kepada kemajuan kerajaan Jepun. Meiji seorang pemimpin yang berpandangan jauh telah membuat perubahan penting dalam bidang politik, sosial dan ekonomi negara Jepun.

Bagi mencapai perubahan itu, pemerintahan Meiji telah menghantar pelajarinya mempelajari teknologi barat, mengimport dan menyerapkan pakar teknologi barat ke dalam pentadbiran kerajaan Jepun. Disamping itu Meiji turut menekankan soal ketenteraan dalam mengukuhkan lagi kedudukan politiknya. Teknologi ketenteraan telah di peringkatkan lagi dimana satu ketika Jepun telah mengalahkan teknologi barat dalam pembuatan peralatan perang. Keadaan ini dapat kita lihat dalam beberapa siri peperangan dengan Barat terutamanya peperangan yang melibatkan Amerika Syarikat.

Seluruh dunia terutama Barat berasa harian. Sebuah negara yang tidak mempunyai kawasan yang subur dan luas untuk aktiviti pertanian, tidak juga mempunyai sumber bahan mentah yang banyak serta sering terdedah kepada ancaman letupan gunung berapi tetapi telah berjaya membentuk sebuah peradaban yang setanding dengan peradaban-peradaban lain di dunia ini. Apakah resepi kejayaan ini?.

Meskipun telah berjaya mencipta nama yang harum di persada dunia dengan pencapaian-pencapaian yang begitu membanggakan namun mereka tidak sama sekali melupakan nilai-nilai kemanusiaan, memelihara alam semulajadi, mengamalkan nilai-nilai seperti tertib, sopan, perasaan hormat menghormati setia dan patuh kepada ketua serta berpegang teguh kepada ajaran agama dan kepercayaan yang mereka anuti.

Keunikan budaya dan peradaban Jepun membentuk sebuah negara yang disegani oleh negara-negara lain yang mana lebih maju darinya. Seperti contoh pertembungan antara Barat-Jepun banyak membawa kesan-kesan positif dan negatif kepada kedua-dua pihak. Jepun telah banyak mendapat faedah untuk memajukan negara mereka tanpa dijajah atau dipengaruhi kuat oleh kuasa-kuasa Barat dengan keunikan budaya dan peradaban yang dimiliki oleh mereka. Boleh disimpulkan bahawa pendirian Jepun terhadap Barat sejak awal lagi adalah bersifat “ buang yang keruh, ambil yang jernih”.

Terbuktilah bahawa kemampuan dan kekuatan fizikal bukanlah satu-satunya aset yang membawa seseorang individu, sesebuah masyarakat, negara malahan keunikan budaya dan peradaban untuk mencapai kejayaan. Sejarah membuktikan bagaimana begitu banyak negara yang jatuh serta tamadun yang pupus akibat daripada tidak mementingkan keseimbangan antara jiwa, alam dan material. Jelas bahawa jika salah satu daripada aspek ini diabaikan akan nampaklah kepincangan yang akhirnya akan membawa kepada kemusnahan.

Kita juga boleh mencontohi Jepun dalam kejayaanya mengekalkan identiti bangsa dan adat tradisi walaupun telah amat berjaya dalam bidang ekonomi, sains dan teknologinya. Dengan ini boleh dikatakan bahawa Keunikan Budaya Dalam Kontes Peradaban Jepun dan boleh dicontohi oleh negara Asia yang lain dalam memajukan diri contohnya negara Malaysia dengan Wawasan 2020nya.

Oleh kerana itu sebagai sebuah negara yang begitu ghairah dengan agenda pembangunan dan pemodenan kita harus mengambil beberapa pengajaran daripada peradaban yang unik dan bersifat universal ini. Pertama, dalam usaha kita untuk menjadikan negara sebagai sebuah negara maju kita haruslah mencari kekuatan batiniah yang pernah dihasilkan oleh suasana silam. Melalui cara ini kita akan dapat mengenal pasti kekuatan dan kelemahan yang ada pada bangsa untuk dijadikan panduan. Kedua, proses pembangunan tidak seharusnya mengabaikan nilai-nilai kemanusiaan yang meliputi jiwa dan alam.

Seterusnya kita juga hendaklah tidak mempunyai perasaan mudah berputus hati dengan kejayaan yang dicapai sebaliknya hendaklah berusaha untuk terus mempelajari dan menimba dari negara-negara lain yang telah lebih dahulu menikmati kejayaan. Disamping itu kita juga hendaklah memastikan bahawa identiti asli bangsa tetap terpelihara.